

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 19/09/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 37

Tajuk : MACCOPS 2019 membuka tirai

MACCOPS 2019 membuka tirai

Oleh AZRUL HAKIMIE ANUER

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 18 SEPT.

PENGANJURAN Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (MACCOPS) 2019 diharap mampu menjadi *game changer* kepada usaha memperkenalkan produk tempatan ke peringkat antarabangsa.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sebelum ini tiada platform perniagaan sedemikian rupa yang dilihat mampu melonjakkan lagi peluang perniagaan kepada gerakan koperasi.

Ujarnya, program yang memasuki tahun keempat penjuruan itu juga memberi motivasi kepada koperasi untuk memikirkan bagaimana mem-



ABDUL FATTAH ABDULLAH mengetuk gong sebagai gimik Pra-Pelancaran MACCOPS 2019 di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD. NAJIB MOHD. NOR

perluaskan penjualan produk keluar negara.

"MACCOPS ini akan melibatkan usaha yang lebih agresif dan

mereka (gerakan koperasi) akan merasakan boleh meluaskan lagi pulangan produk keluaran koperasi mereka.

"Seperti kita tahu dalam bidang pemasaran ini promosi penting dan ini antara kaedah dengan menyediakan platform

MACCOPS," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Pra-Pelancaran MACCOPS 2019 di sini hari ini.

MACCOPS 2019 akan diadakan di Persada Johor International Convention Centre, Johor Bahru pada 28 hingga 30 November depan.

Abdul Fattah berkata, MACCOPS 2019 menyasarkan jualan dagangan sebanyak RM50 juta dengan jangkaan hadirin lebih daripada 30,000 orang.

Katanya lagi, untuk tahun ini seramai 180 pempamer akan mengambil bahagian termasuk dari luar negara seperti Indonesia, Singapura, Brunei, Vietnam, Korea dan Jepun.

Dalam perkembangan lain, Abdul Fattah berharap dalam pembentangan bajet akan datang kerajaan memberikan layanan sama rata antara gerakan koperasi dan industri kecil dan sederhana (IKS).